



KENYATAAN MEDIA

FAEDAH PERKESO BANTU TIGA BERADIK YATIM PIATU TERUSKAN KELANGSUNGAN HIDUP

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menyantuni tiga beradik yatim piatu selepas kehilangan kedua ibu bapa yang maut akibat terkena renjatan elektrik di Cameron Highlands, semalam.

Bapa kepada tiga beradik malang tersebut iaitu mendiang **Damian anak Senin, 46 tahun**, seorang pekebun sayur dan isterinya, **Ronwina anak Manbai, 35**, suri rumah sepenuh masa telah meninggal dunia di sebuah rumah pangsapuri di Taman Puncak Tingkap, Brincang pada pagi 10 Mac 2022.

Menurut Encik John Riba Marin, Timbalan Ketua Eksekutif PERKESO, “Sebaik sahaja berita malang tersebut dilaporkan oleh media tempatan, Skuad PERKESO Prihatin Tapah telah mengambil tindakan segera dengan membuat semakan caruman terhadap pasangan suami isteri tersebut. Berdasarkan semakan tersebut, hanya mendiang Damian sahaja yang layak menerima faedah PERKESO menerusi Skim Keilatan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4). Isterinya, mendiang Ronwina hanya memiliki satu bulan caruman, sekaligus tidak layak menerima faedah PERKESO.”

Sehubungan itu, waris kepada mendiang iaitu tiga orang anaknya layak mendapat faedah PERKESO iaitu **Faedah Pengurusan Mayat (FPM)** dan **Pencen Penakat**. Mereka adalah Elisa Olivia, 9 tahun, Joseph Rayyan, 8, dan Magdalena, 1.

Waris telah menerima bayaran FPM sebanyak **RM2,000.00** untuk sekali bayar berserta Pencen Penakat sebanyak **RM1,376.00** yang akan dibayar setiap bulan sehingga mereka mencecah usia 21 tahun atau tamat pengajian ijazah pertama. Buat masa ini, kedua-dua bayaran faedah tersebut akan disalurkan kepada bapa saudara mereka, Encik Robert anak Adi yang kini memikul tanggungjawab sebagai ‘ketua keluarga’ dan penjaga tiga beradik malang tersebut. Ketika ini, ketiga-tiga anak pasangan ini dijaga dan tinggal bersama bapa saudara mereka di Kota Samarahan, Sarawak.

Prihatin dengan nasib yang menimpa keluarga berkenaan, Dato' Sri Richard Riot, Ahli Parlimen Serian merangkap Duta Tugas-Tugas Khas Perdana Menteri ke Asia Timur berkesempatan menyantuni mereka dalam satu majlis di ibu negara. Hadir sama, Encik John Riba dan Encik Ismail Abi Hashim, Ketua Cawangan Skuad Prihatin dan Sinergi PERKESO.

Pencen Penakat merupakan salah satu daripada faedah yang ditawarkan menerusi Skim Keilatan di bawah Akta 4. Pencen Penakat dibayar kepada orang tanggungan yang layak apabila OB meninggal dunia atas sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan. Antara syarat kelayakan faedah ini ialah OB meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun dan memenuhi syarat kelayakan caruman atau OB meninggal dunia semasa sedang menerima Pencen Ilat tanpa mengambil kira had umurnya.

PERKESO menzahirkan rasa simpati terhadap tiga beradik ini serta keluarga atas pemergian mendiang berdua dan berharap bantuan faedah yang diterima oleh waris dapat meringankan beban yang ditanggung serta membantu mereka dalam meneruskan kelangsungan hidup.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Strategik

16 Mac 2022

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 dan Hamisah Hamid di talian +6019 – 3833 605.
